

## **SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2012**

Perayaan **Hari Wilayah Persekutuan** disambut pada tarikh **1 Februari** setiap tahun, bagi memperingati pengisytiharan **Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan** sebagai **Wilayah Persekutuan** dan sambutan pada tahun ini merupakan **perayaan kali kelapan** yang menggabungkan ketiga-tiga wilayah berkenaan sejak wujudnya **Kementerian Wilayah Persekutuan** pada **27 Mac 2004**.

Untuk Kuala Lumpur, ini merupakan sambutan **yang ke 38**.

**Tema** sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah **"Rakyat Bersatu Wilayah Persekutuan Maju"**.

Tema ini dipilih, selaras dengan **Gagasan 1Malaysia** yang diilhamkan oleh **YAB Perdana Menteri**, di mana untuk mencapai pembangunan yang utuh dan berterusan ia memerlukan komitmen dan kerjasama yang padu serta saling memahami di antara setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa mahupun agama.

Adalah diharapkan dengan penggunaan tema ini, **mampu merangsang** seluruh warga Wilayah agar dapat seiringan dengan Kerajaan; bersama-sama **memajukan dan memakmurkan** bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta ini sebagai sebuah bandar raya metropolis yang lestari untuk dihuni sepanjang masa.

### **A. KONSEP SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2012**

Penganjuran majlis sambutan akan **berkonsepkan 1Malaysia**, melibatkan pelbagai peringkat warga ketiga-ketiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya serta Labuan. Bagi **memeriah dan memupuk jatidiri** warga Wilayah Persekutuan, **penglibatan pelbagai jabatan/agensi Kerajaan, badan korporat, pihak swasta dan NGO, parti politik, institusi pendidikan** di seluruh Wilayah Persekutuan akan digembelengkan sepenuhnya.

Pelbagai program dan acara sambutan telah dirancang sebagai satu inisiatif untuk menceriakan lagi program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan bagi **menggerakkan penyertaan aktif komuniti setempat ke arah pemupukan semangat perpaduan warga kota dalam menanamkan semangat cintakan Wilayah Persekutuan**.

### **B. PELANCARAN DAN FESTIVAL**

Pada tahun ini, **sebaik sahaja Majlis Pelancaran dan Perbarisan tamat, Festival Hari Wilayah Persekutuan 2012 akan terus diadakan**.

**Festival** akan berlangsung selama dua hari iaitu pada **28 dan 29 Januari 2012**.

Acara-acara yang akan diadakan dalam festival ini ialah seperti di para C.

### C. FESTIVAL SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2012 DI KUALA LUMPUR

1. **Acara:** **Pertandingan Tarian "Bboy"**  
 Pertandingan tarian 'breakdance', 'hip hop' yang akan menarik penyertaan golongan remaja untuk turut serta. Persaingan secara sihat ini turut menarik perhatian pengunjung dan pelancong bagi menyaksikan pertandingan ini  
 Tarikh : 28 Januari 2012 (Sabtu)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 12 tengahari  
 Hubungi: En. Yazid Rahim – 03 26176296
  
2. **Acara:** **Pertandingan Skuter Tercantik HWP 2012**  
 Pertandingan yang akan mempamerkan skuter-skuter cantik yang telah dihias dan dimodifikasi  
 Tarikh : 28 Januari 2012 (Sabtu)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 12 tengahari  
 Hubungi: Lan King – 019 2070706
  
3. **Acara:** **Bag Pipe Battle HWP 2012**  
 Pertandingan Bag Pipe yang julung kalinya akan diadakan bersempena sambutan HWP. Akan mempertandingkan 4 kategori dan disertai oleh pasukan-pasukan bag pipe di Malaysia dan antarabangsa  
 Tarikh : 28 Januari 2012 (Sabtu)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 12 tengahari  
 Hubungi: En. Zaim Mahyedini – 017 3127207
  
4. **Acara:** **Sukan X-Treme HWP 2012**  
 Pertandingan sukan-sukan X-Treme yang diminati ramai terutama golongan belia. Sukan-sukan yang akan dipertandingkan adalah Wall Climbing, Basikal BMX/Skateboard dan Flying Fox  
 Tarikh : 28 dan 29 Januari 2012 (Sabtu & Ahad)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 12 tengahari (28 Januari 2012) dan 9 pagi (29 Januari 2012)  
 Hubungi: En. Yazid Rahim – 03 26176296
  
5. **Acara:** **Persembahan Tarian Singa**  
 Persembahan daripada kumpulan Tarian Singa. Bersesuaian juga dengan 'mood' Tahun Baru Cina, persembahan ini akan memperlihatkan gerakan-gerakan menarik bagi acara tradisional kaum Cina ini.  
 Tarikh : 28 Januari 2012 (Sabtu)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 12 tengahari  
 Hubungi: -

- 6. Acara: Persembahan Pancaragam HWP 2012**  
Persembahan pancaragam ini akan diadakan oleh 3 pasukan pancaragam yang terbaik di kalangan sekolah-sekolah Kuala Lumpur. Persembahan ini akan memperdengarkan pelbagai jenis lagu dan gerakan formasi yang menarik.
- Tarikh : 28 Januari 2012 (Sabtu)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 12 tengahari  
Hubungi: -
- 7. Acara: Permainan Kanak-kanak**  
Permainan yang disediakan khas bagi menghiburkan pengunjung-pengunjung terutama sekali kanak-kanak iaitu inflatable, pelawak / badut dan belon
- Tarikh : 28 dan 29 Januari 2012 (Sabtu & Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 12 tengahari  
Hubungi: -
- 8. Acara: Kejohanan Akhir Futsal Perumahan Awam Kuala Lumpur 2012**  
Kejohanan Futsal yang diadakan secara 'road show' antara perumahan awam sekitar Kuala Lumpur dan pertandingan akhir akan diadakan di Dataran Merdeka.
- Tarikh : 28 dan 29 Januari 2012 (Sabtu & Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 12 tengahari (28 Januari 2012) dan 9 pagi (29 Januari 2012)  
Hubungi: En. Yazid Rahim – 03 26176296
- 9. Acara: Sukan Tradisional HWP 2012**  
Pertandingan dan demonstrasi 13 jenis sukan tradisional pelbagai kaum di Malaysia. Memperlihatkan semangat 1 Malaysia di kalangan wargakota WP.
- Tarikh : 28 dan 29 Januari 2012 (Sabtu & Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 12 tengahari (28 Januari 2012) dan 9 pagi (29 Januari 2012)  
Hubungi: -
- 10. Acara: Konsert Sempena Pelancaran Hari Wilayah Persekutuan 2012**  
Konsert yang diadakan bersempena dengan pelancaran HWP 2012 yang akan membariskan artis-artis jemputan seperti **Awie, Ella, Dato' Jefferydin, Bunkface** dan **Kumpulan Koprata**. Turut dijemput sebagai pengacara majlis ialah **Juara Maharaja Lawak Mega 'OsBon'**. Terbuka kepada semua wargakota. Konsert ini akan diakhiri dengan **pertunjukan bunga api** bagi memeriahkan lagi sambutan pelancaran HWP 2012 ini.
- Tarikh : 28 Januari 2012 (Sabtu)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 8.30 malam  
Hubungi: -

- 11. Acara: Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Tahap 1 & 2**  
 Acara yang khusus bagi kanak-kanak wargakota supaya golongan kanak-kanak juga turut terlibat di dalam memeriahkan sambutan ini.  
 Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 9.00 pagi  
 Hubungi: -
- 12. Acara: Pertandingan Poco-Poco HWP 2012**  
 Pertandingan Poco-poco ini merupakan kali ke-2 diadakan bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Kali pertama ianya diadakan, sambutan yang sangat menggalakkan telah diterima daripada wargakota. Lengkap dengan pakaian seragam, koreografi yang menarik dan lagu yang rancak menarik perhatian ramai serta pelancong untuk pertandingan ini.  
 Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 9.00 pagi  
 Hubungi: En. Rosli – 012 2846811
- 13. Acara: Pertandingan 'Drumline Battle' Terbuka HWP 2012**  
 'Drumline' semakin diminati oleh golongan remaja dan dapat menarik perhatian pengunjung melalui persembahan menarik yang diadakan. Pertandingan ini terbuka kepada pasukan-pasukan 'drumline' di Malaysia.  
 Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 9.00 pagi  
 Hubungi: En. Zaim Mahyedin – 017 3127207
- 14. Acara: Pertandingan Colour Guard HWP 2012**  
 Bertemakan bunyi dan warna, buat julung kalinya HWP akan diserikan dengan pertandingan colorguard yang akan memperlihatkan aksi-aksi pasukan color guard dengan berlatar belakang muzik.  
 Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 9.00 pagi  
 Hubungi: En. Zaim Mahyedin – 017 3127207
- 15. Acara: Pertandingan Kawad Kaki HWP 2012**  
 Pertandingan kawad kaki pasukan-pasukan beruniform sekolah-sekolah di Kuala Lumpur yang akan menunjukkan disiplin dan formasi yang menarik.  
 Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
 Lokasi : Dataran Merdeka  
 Masa : 9.00 pagi  
 Hubungi: -

- 16. Acara: Pertandingan Memasak 'Family' HWP 2012**  
Pertandingan memasak yang akan melibatkan penyertaan secara keluarga. Ini akan memperlihatkan kerjasama antara ahli keluarga bagi menyiapkan hidangan.  
Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 9.00 pagi  
Hubungi: -
- 17. Acara: Pertandingan Menyolek Pasangan HWP 2012**  
Pertandingan yang akan melibatkan pasangan lelaki menyolek pasangan wanita mereka. Pelbagai aksi yang mencuit hati akan dapat disaksikan.  
Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 9.00 pagi  
Hubungi: -
- 18. Acara: Sukaneka OKU HWP 2012**  
Acara ini akan melibatkan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk bertanding di dalam acara-acara sukan OKU. Orang-orang normal juga akan turut dijemput sama bagi menyertai sukaneka ini bagi mewujudkan silaturahim dan memberikan kesedaran kesusahan yang dirasai oleh OkU melalui acara-acara yang dipertandingkan.  
Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 9.00 pagi  
Hubungi: En. Mohan – 019 3685275
- 19. Acara: Pertandingan Mini Grafiti HWP 2012**  
Pertandingan yang membuka ruang kepada peminat-peminat seni grafiti untuk menunjukkan bakat-bakat mereka melalui tema-tema yang akan ditetapkan.  
Tarikh : 29 Januari 2012 (Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 9.00 pagi  
Hubungi: En. Yazid Rahim – 03 26176296
- 20. Acara: Pertandingan Autoshow HWP 2012**  
Pertandingan kereta-kereta yang telah di modifikasi dengan hiasan dan aksesori yang menarik dan cantik. Peserta-peserta akan bertanding bagi memperlihatkan keunikan kereta masing-masing dan ciri-ciri keselamatan yang ada.  
Tarikh : 28 Januari 2012 (Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 9.00 pagi  
Hubungi: En. Yazid Rahim – 03 26176296

**21. Pertandingan Tarian 1 Malaysia**

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang terdiri dari Penghuni Rumah Sewa DBKL dan Penghuni Rumah Jual DBKL

- i. Konsep tarian adalah Tarian 1Malaysia;
- ii. Berkumpulan 10 – 15 orang peserta;
- iii. Umur 10 tahun ke atas;
- iv. Terdiri daripada pelbagai kaum.

Tarikh : Februari 2012

Hubungi : En. Mohammad Hamid – 03 26176357 / 6323 / 012 242 4208

**22. Pertandingan Gendang Berirama**

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang terdiri dari Penghuni Rumah Sewa DBKL dan Penghuni Rumah Jual DBKL

- i. Konsep Gendang Irama 1Malaysia;
- ii. Berkumpulan 10 – 15 orang peserta;
- iii. Umur 10 tahun ke atas;
- iv. Terdiri daripada pelbagai kaum.

Tarikh : Februari 2012

Hubungi : En. Mohammad Hamid – 03 26176357 / 6323 / 012 242 4208

**23. Pertandingan Nyanyian Bintang Asli**

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang terdiri dari Penghuni Rumah Sewa DBKL dan Penghuni Rumah Jual DBKL

- i. Nyanyian lagu Irama Malaysia;
- ii. Nyanyian Solo;
- iii. Umur 15 tahun ke atas;
- iv. Tidak pernah buat album.

Tarikh : Februari 2012

Hubungi : En. Mohammad Hamid – 03 26176357 / 6323 / 012 242 4208

**24. Pertandingan Boria**

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang terdiri dari Penghuni Rumah Sewa DBKL dan Penghuni Rumah Jual DBKL

- i. Tajuk lagu dan karangan adalah bebas berdasarkan konsep 1Malaysia dan tidak menyentuh sentiment perkauman, agama dan bangsa;
- ii. Berkumpulan 5 – 15 orang peserta;
- iii. Umur 16 hingga 40 tahun.

Tarikh : Februari 2012

Hubung i: En. Mohammad Hamid – 03 26176357 / 6323 / 012 242 4208

- 25. Acara: Program Lebuah Seni**  
Program ini adalah anjuran Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.  
Tarikh : 28 dan 29 Januari 2012 (Sabtu & Ahad)  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Masa : 9 pagi-5.30petang  
Hubungi: -
- 26. Acara: Teater Muzikal Kuala Lumpur**  
Berkonsepskan semi muzikal dan akan dipentaskan dengan menengahkan isu-isu kehidupan warga kota Kuala Lumpur.  
Tarikh : Februari 2012  
Lokasi : Panggung Bandaraya  
Hubungi : Encik Rizuadi @ 019 268 4287
- 27. Acara: Kejohanan Bolasepak 'Soccer Kul Kidz 7 Side 2012'**  
Dianjurkan buat kali ketiga oleh DBKL untuk pasukan di bawah umur 9 dan 12 tahun.  
Tarikh : Februari 2012  
Lokasi : Dataran Merdeka  
Hubungi : Encik Rizuadi @ 019 268 4287
- 28. Acara: Pertandingan Memancing HWP 2012**  
Terbuka untuk semua wargakota..  
Tarikh : Februari 2012  
Lokasi : Tasik Titiwangsa  
Hubungi : Encik Rizuadi @ 019 268 4287
- 29. Acara: Futsal Media Dan Agensi Sempena HWP 2012**  
Perlawanan futsal antara pasukan media dan agensi-agensi di bawah KWPKB.  
Tarikh : Mac 2012  
Hubungi : Encik Rizuadi @ 019 268 4287

#### **D. PROGRAM YANG MELIBATKAN PIHAK SWASTA**

Pada tahun ini, DBKL juga telah **mendapat kerjasama pihak swasta** yang akan menganjurkan acara sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012.

##### **1. Kuala Lumpur International Short Film Festival (KLIS 2012) anjuran KLIS Network**

Diadakan buat kali pertama di Malaysia.

Menerima lebih 1,000 penyertaan daripada 75 negara.

Sebanyak 40 penyertaan telah disenarai pendek (*shortlisted*) di mana 36 penyertaan luar negara dan 4 penyertaan dari Malaysia.

**Tarikh** : 30 Jan, 31 Jan dan 1 Feb 2012  
**Lokasi** : Panggung Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja dan Auditorium DBKL  
**Hubungi** : En Martias Ali @ 014 372 9561

**2. 1 Malaysia Bird Hunt @ Bird Park anjuran Taman Burung Kuala Lumpur**

Berkonsepskan ala 'treasure hunt' mengenai burung-burung dan persekitarnya di dalam kawasan Taman Burung Kuala Lumpur.

**Tarikh** : 1 Feb 2012 ( 10:00 pagi – 12:00 tengahari) (Rabu)  
**Lokasi** : Taman Burung Kuala Lumpur  
**Hubungi** : Cik Vin / Encik Jeremy @ 2272 1010

**3. 1 Malaysia KL Heritage Explorace anjuran Menara KL**

Diadakan buat kali kedua untuk memperkenalkan dan mempromosi lokasi pelancongan yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan pada masa yang sama menghargai tinggalan sejarah yang ada.

Terbuka kepada warga Malaysia dan warga luar negara.

Satu kategori sahaja iaitu Kategori Terbuka dengan penyertaan 2 orang dalam satu kumpulan dengan umur 18 tahun ke atas.

Terbuka hanya untuk 250 penyertaan dengan yuran penyertaan RM50 (pemegang MyKad) dan RM100 (*warga luar negara*).

Hadiah sejumlah RM20,000 menanti pemenang termasuk wang tunai, trofi dan I-Pad (hadiah utama).

**Tarikh** : 25 Feb 2012 (Sabtu)  
**Lokasi** : Bermula dan berakhir di Menara KL  
**Masa** : 8 pagi – 5 petang  
**Hubungi** : Cik Ida @ 012 7678260

**4. Acara Pandu Misteri Sempena HWP 2012 anjuran Persatuan Kebajikan Keluarga Bekas Polis dan Tentera (POLTERA)**

Diadakan bertujuan untuk menggalakkan pelancongan domestik di samping mempromosikan tempat-tempat menarik di sekitar Kuala Lumpur & Putrajaya.

Penyertaan adalah kepada orang awam, kakitangan DBKL, Persatuan Penduduk dan Persatuan Warga Emas.

Terbuka kepada 150 buah kereta dengan 600 orang peserta (1 kereta, 4 peserta (max)).

**Tarikh** : 25 Feb 2012 (Sabtu)  
**Lokasi** : Bermula dan berakhir di Dataran Merdeka  
**Masa** : 8 pagi – 4 petang  
**Hubungi** : Encik Mohd Razhali Abd Rahman @ 012 354 2519

## **E. KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2012**

DBKL telah mengedarkan surat kepada pemilik-pemilik bangunan di sekitar Kuala Lumpur untuk mengibar Bendera Wilayah Persekutuan dan menerangi bangunan sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2012.

Sempena Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, DBKL akan menganjurkan Pertandingan Kibar Bendera di kalangan pemilik bangunan di Kuala Lumpur dan Pertandingan Jejak Bendera.

### **SENARAI PENYERTAAN BAGI KATEGORI BANGUNAN/KOMPLEKS PERNIAGAAN SWASTA**

1. Putrade Property Management Sdn. Bhd.
2. Permodalan Nasional Berhad
3. Chulan Reality Sdn. Bhd.
4. Bangunan Malaysian RE
5. Semasa Sentral Sdn. Bhd.
6. Plaza Berjaya Joint Management
7. National Land Finance Cooperative Society Ltd
8. Telekom Malaysia Berhad
9. St. Mary Cathedral
10. The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad
11. Jones Lang Wootton, Bangunan Ambank Group
12. UEM Group Berhad
13. Malayan Banking Berhad

### **SENARAI PENYERTAAN BAGI KATEGORI BANGUNAN KERAJAAN**

1. Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
3. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
4. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
5. Masjid Negara, JAKIM
6. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
7. Lembaga Tabung Haji (Ibu Pejabat)
8. Lembaga Tabung Haji (1Sentral)
9. Lembaga Getah Malaysia (LGM) Properties Corporation
10. Balai Bomba dan Penyelamat (Setapak)
11. Balai Bomba dan Penyelamat (Bukit Jalil)
12. Balai Bomba dan Penyelamat (Jalan Pantai)
13. Balai Bomba dan Penyelamat (Jelatek)
14. Balai Bomba dan Penyelamat (Bandar Tun Razak)
15. SK. Pengkalan Tentera Darat
16. SMK Taman Melati
17. Sek. Ren. Agama Sg. Mulia

**SENARAI PENYERTAAN BAGI KATEGORI PERUMAHAN AWAM / PPR DBKL & SWASTA**

1. Persatuan Penduduk Sri Pulau Pinang
2. Persatuan Penduduk PPR Jalan Jelatek
3. Persatuan Penduduk Wangsa Maju Seksyen 1
4. Persatuan Penduduk Blok 8, Sri Langkawi 1
5. Persatuan Penduduk Apartment Desa Tasik F 6B
6. Persatuan Penduduk PA Seri Labuan
7. Persatuan Penduduk PPR Wangsa Sari
8. Persatuan Penduduk PP Taman Wahyu 2
9. Persatuan Penduduk Hiliran Ampang
10. Persatuan Penduduk Seri Johor 4C
11. Persatuan Penduduk PPR Batu
12. Persatuan Penduduk PPR Seri Alam
13. Persatuan Penduduk PPR Kg. Muhibbah
14. Persatuan Penduduk Gombak Setia
15. Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Perak
16. Persatuan Penduduk Pangsapuri Blok A,B,CD & E Bandar Tasik Selatan
17. Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan
18. Persatuan Penduduk Prumahan Awam Seri Sabah 3B
19. Persatuan Penduduk Perumahan Awam Desa Rejang Setapak Jaya
20. Persatuan Penduduk Perumahan Awam Sek 10 Wangsa Maju
21. Persatuan Penduduk Perumahan Awam Setapak Jaya 1A
22. Persatuan Penduduk Perumahan Awam DBKL Bandar Seri Sentul
23. Persatuan Penduduk Kawasan 5 Taman Melati
24. Persatuan Kebajikan dan Kemasyarakatan Penduduk, Taman Melati
25. Persatuan Penduduk Seri Kota
26. Persatuan Penduduk PPR Cochrane Perkasa
27. Persatuan Penduduk PPR Kg. Baru Air Panas
28. Persatuan Penduduk Jinjang Utara
29. Persatuan Kebajikan Penduduk Desa Tun Razak
30. Persatuan Penduduk Sri Johor 4A
31. Persatuan Penduduk Seri Pangkor 1
32. Persatuan Penduduk Perumahan Sri Perlis 2
33. Persatuan Penduduk Sri Melaka
34. Persatuan Penduduk PPR Pekan Batu

**Pertandingan Kibar Bendera**

DBKL telah mengedarkan jemputan penyertaan Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan kepada pemilik-pemilik bangunan di sekitar Kuala Lumpur pada 12 Januari 2012. **Tarikh tutup penyertaan pertandingan tersebut adalah pada 27 Januari 2012.** Pertandingan Kibar Bendera diadakan dalam tiga kategori iaitu

- i. **Kategori Bangunan Kerajaan (termasuk sekolah)**
- ii. **Kategori Perumahan (awam dan swasta)**
- iii. **Kategori Bangunan/Kompleks Perniagaan Swasta (termasuk hotel dan bank)**

Hadiah menarik disediakan bagi setiap kategori seperti berikut:

Johan	:	RM5000.00 + Sijil
Naib Johan	:	RM3000.00 + Sijil
Ketiga	:	RM2000.00 + Sijil
5 Hadiah Saguhati	:	RM500.00 + Sijil

### Pertandingan Jejak Bendera

Pertandingan Jejak Bendera dianjurkan dengan kerjasama KLFM bagi menggalakkan pemilik-pemilik kenderaan menghias kenderaan masing-masing dengan bendera Wilayah Persekutuan. **Pertandingan ini bermula daripada 1 Februari hingga 29 Februari 2012.**

Hadiah Pertandingan Jejak Bendera menyediakan **hadiah harian bernilai RM100** setiap kenderaan yang berjaya dijejak memasang dan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan. **Tiga hadiah utama bernilai RM3000, RM2000 dan RM1000 kepada pemilik kenderaan yang menghias kenderaan masing-masing dengan kreatif dan jumlah bilangan bendera terbanyak.**

### Bendera Wilayah Persekutuan

Bendera Wilayah Persekutuan boleh dibeli kaunter-kaunter pembayaran DBKL dengan harga RM8 (berukuran 3' x 6')

DBKL juga menghiasi bangunan DBKL dengan bendera Wilayah Persekutuan seperti berikut:

- i. Memasang bendera bersaiz besar di Menara DBKL 1 dan 3 (23' x 217');
- ii. Memasang paparan billboard Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di Menara DBKL 1 dan 3;
- iii. Memasang bunting di jalan-jalan utama/protokol di sekitar Kuala Lumpur;
- iv. Menghias bendera Wilayah Persekutuan di jejantas-jejantas awam di sekitar Kuala Lumpur;
- v. Menghias bendera Wilayah Persekutuan di perhentian-perhentian bas awam di sekitar Kuala Lumpur;
- vi. Menghias bendera Wilayah Persekutuan bersama persatuan-persatuan penjaja di sekitar Kuala Lumpur;
- vii. Menghias *light boxes* yang bertemakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di sekitar Kuala Lumpur;
- viii. Menghias bendera Wilayah Persekutuan di pintu-pintu gerbang (arch) di sekitar Kuala Lumpur;
- ix. Menghias bendera Wilayah Persekutuan di taman-taman sekitar Kuala Lumpur;
- x. Menghias bendera Wilayah Persekutuan di kompleks sukan dan dewan serbaguna; dan
- xi. Menghias bendera Wilayah Persekutuan di kuarter-kuarter DBKL.

## F. GOODIES DBKL KEPADA WARGAKOTA

1. Semua **kompaun trafik** yang dikeluarkan oleh DBKL **sebelum 1 Mac 2011 dikenakan kadar sebanyak RM30**. Pembayaran boleh dibuat bermula 1 Februari hingga 28 Februari 2012 di lokasi seperti berikut :
  - Kaunter bayaran di ibu pejabat Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut;
  - Kaunter bayaran Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Jalan Tun Razak; dan
  - Semua kaunter bayaran Pejabat Cawangan DBKL kecuali Pejabat Cawangan Bukit Bintang dan Pejabat Cawangan Titiwangsa.

### Nota :

Orang awam yang mempunyai **Notis Kompaun Trafik untuk tahun 2008, 2009 dan 2010 boleh menyemak status kesalahan di laman web DBKL**. Sementara orang awam yang mempunyai Notis Kompaun Trafik tahun 2007 perlu mengemukakan notis kompaun asal semasa membuat bayaran.

2. **Penggunaan secara percuma** untuk **kemudahan sukan** seperti futsal, tenis, badminton, kolam renang, squash, gimnasium, ping pong, padang bola sepak, gelanggang bola tampar dan gelanggang takraw bermula pada 1 Februari sehingga 7 Februari 2012.
3. **Yuran keahlian percuma** untuk **semua perpustakaan DBKL** sepanjang bulan Februari 2012.
4. **Percuma menaiki bot dan pony ride** di Taman Tasik Titiwangsa pada 1 Februari hingga 7 Februari 2012.
5. **Penggunaan tandas awam DBKL secara percuma** mulai 1 Februari hingga 7 Februari 2012.

## G. GOODIES DARIPADA PIHAK SWASTA

1. **Menaiki Hop on Hop Off dengan bayaran RM1** pada 1 Februari 2012 untuk pemegang My Kad.
2. **Bayaran masuk RM 1 ke Petrosains** (utk kanak-kanak sahaja), **Taman Rama-Rama** dan **Taman Burung** untuk pemegang My Kad sahaja pada 1 Februari 2012.
3. **Diskaun 30% utk bayaran tiket Aquaria** pada 1 Februari 2012.
4. **Bayaran 'flat rate' kepada pemegang MyKad iaitu RM 20 (dewasa) dan RM 15 (kanak-kanak) bagi menaiki KL Tower** pada 1 Februari 2012.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Dr. Ismail Stapa di emel : [ismailstapa@dbkl.gov.my](mailto:ismailstapa@dbkl.gov.my) atau di talian : 03-2617 9801.

## H. HARAPAN

Semua warga Kuala Lumpur **dijemput untuk sama-sama menyertai dan memeriahkan lagi semua aktiviti dan program yang telah dirancang** sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012.

Adalah diharapkan dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012 ini akan **dapat memupuk rasa cinta dan sayang wargakota kepada bandaraya Kuala Lumpur.**